

05/11/1999

LPM kaji kertas Sejarah PMR

Syuhada Choo Abdullah

LEMBAGA Peperiksaan Malaysia (LPM) sedang meneliti mengenai dakwaan ada kesilapan dikesan pada beberapa soalan dalam kertas Sejarah peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini yang diadakan pada Selasa lalu.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata semakan berkenaan akan dilakukan bersama panel pakar yang terbabit dalam penyediaan kertas soalan Sejarah terbabit sebelum keputusan dapat dibuat untuk menentukan sama ada berlaku sebarang kesilapan ataupun tidak sebagaimana didakwa.

Bagaimanapun, katanya, setiap kertas soalan peperiksaan PMR, termasuk Sejarah, adalah disediakan secara teliti oleh panel pakar dalam bidang masing-masing dan ditapis sebelum disiapkan.

Justeru bagi isu berhubung dakwaan bahawa terdapat kesilapan dalam kertas soalan Sejarah kali ini, beliau berkata, ada kala wujud perbezaan pendapat di kalangan pakar sejarah yang mempunyai pandangan tersendiri mengenai suatu perkara seperti dari segi peranan watak tertentu dalam sejarah.

Sehubungan itu, beliau berkata, tidak semestinya suatu fakta sejarah yang dikemukakan berkenaan adalah salah kerana wujud pelbagai aliran pemikiran dan tanggapan di kalangan pakar bidang terbabit.

"Oleh itu, sama ada berlaku kesilapan atau tidak dalam kertas soalan Sejarah berkenaan (PMR), belum boleh diputuskan lagi. Kementerian perlu mendapatkan penjelasan daripada panel pakar yang menyediakan soalan itu terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian serta ucap utama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Seminar Pendidikan Guru-guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina (C) Malaysia di Sungai Besi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar semalam yang memetik dakwaan seorang penulis buku teks Sejarah, Ranjit Singh Malhi, bahawa berlaku kesilapan fakta serta cetakan dalam empat soalan kertas Sejarah peperiksaan PMR tahun ini.

Menurut Ranjit, antara kesilapan dikesan ialah soalan nombor 36 yang mengatakan bahawa Edward Gent mendapatkan tandatangan pemerintah Melayu untuk pembentukan Malayan Union, sedangkan fakta sebenar ialah Sir Harold MacMichael yang mendapatkannya manakala Sir Edward Gent pula adalah Gabenor pertama Malayan Union.

Apa pun, Najib berkata, kementerian akan meneliti perkara itu dalam masa sehari dua lagi dan beliau hanya boleh memberi ulasan lebih lanjut esok.

Sementara itu mengenai desakan pelbagai pihak supaya kementerian mengkaji semula cadangan untuk meminda tarikh Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ke Oktober bagi membendung gejala ponteng sekolah pula, katanya, keputusan kementerian setakat ini masih tetap mengadakan peperiksaan berkenaan pada September.

Menurutnya, ini kerana pemeriksa kertas jawapan UPSR memerlukan tempoh mencukupi untuk menyemak soalan berbentuk subjektif dan langkah melewatkan tarikh peperiksaan itu boleh menyebabkan keputusan tidak dapat dikeluarkan sebelum sekolah ditutup untuk cuti akhir tahun sekali gus mempengaruhi proses kemasukan ke sekolah berasrama penuh (SBP). Untuk peperiksaan UPSR tahun ini, keputusan akan dikeluarkan pada minggu depan.

Beliau berkata, kementerian sudah mengkaji secara terperinci cadangan berkenaan sebelum ini dan LPM mendapati langkah meminda tarikh UPSR itu tidak dapat dilaksanakan.

Ketika ditanya adakah jawapan itu adalah keputusan muktamad kementerian, Najib berkata:

"Bukanlah muktamad tetapi adalah keputusan setakat ini sebelum penelitian dibuat. Bagaimanapun, kementerian akan tengok perkembangannya."

(END)